



113 pelajar mangsa kebakaran Asrama SMUA Bachok terima sumbangan YAKIN

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | SYAWAL 1447H | 10-16 APRIL 2026

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

Cadangan pelaburan tenaga solar di Loji Air AKSB berpotensi tingkat kecekapan operasi

Kelantan tekankan TVET Rabbani lahirkan tenaga mahir berakhlak

Vaksinasi ruminan dipergiat, lindungi ternakan dijangkiti wabak

Gagasan “Satu Rumah Satu Hafiz”, landasan tepat bentuk Kelantan Sejahtera -MB Kelantan

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 16 April — Matlamat “Satu Rumah Satu Hafiz al-Quran” yang digagaskan Kerajaan Negeri Kelantan kini berada pada landasan tepat dalam membentuk Kelantan sebagai negeri sejahtera berteraskan Islam, sekali gus memperkukuh pembangunan insan berasaskan al-Quran.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud berkata, pencapaian tersebut dizahirkan melalui Majlis Graduasi Tahfiz Kali Ke-16 Yayasan Islam Kelantan (YIK) bagi tahun 2025 yang menyaksikan sebanyak 432 hafiz dan hafizah diraikan di Dewan YIK, di sini, hari ini.

Menurutnya, kejayaan melahirkan huffaz perlu dilihat dalam kerangka jangka panjang sebagai usaha berterusan membentuk masyarakat yang menghayati ajaran Islam dalam kehidupan.

“Setiap hafiz dan hafizah perlu menyedari besarnya tanggungjawab yang dipikul, bukan sahaja menjaga hafazan, bahkan membimbing masyarakat agar memahami serta menjadikan kehidupan berpandukan kehendak Allah SWT,” katanya ketika berucap merasmikan majlis berkenaan.



Beliau memetik firman Allah SWT dalam Surah al-Mukminun, ayat 115 yang bermaksud:

“Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu (dari tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang hikmat pada ciptaan itu? Dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada Kami?”

Mengulas lanjut, katanya, al-Quran bukan sekadar untuk dibaca dan dihafaz, sebaliknya berperanan sebagai kitab hidayah yang memandu kehidupan manusia.

“Fungsi al-Quran yang diturunkan kepada umat Nabi Muhammad SAW tidak hanya untuk dibaca dan dihafaz tetapi sebuah kitab hi-

dayah yang memandu kehidupan manusia. Allah SWT menciptakan manusia ada tujuannya dan bukan suatu penciptaan yang sia-sia,” jelasnya.

Tambahnya, kelebihan yang dimiliki golongan huffaz perlu dimanfaatkan bagi memimpin masyarakat dengan panduan wahyu.

“Kelebihan yang dimiliki oleh anak-anak huffaz, yang bukan sahaja mempunyai bacaan yang baik, bahkan menghafaz ayat-ayat Allah, sewajarnya meletakkan mereka di saf hadapan dalam memimpin ummah.

“Sudah tiba masanya para penghafaz al-Quran yang dilengkapi dengan pelbagai kepakaran hasil

“Setiap hafiz dan hafizah perlu menyedari besarnya tanggungjawab yang dipikul, bukan sahaja menjaga hafazan, bahkan membimbing masyarakat agar memahami serta menjadikan kehidupan berpandukan kehendak Allah SWT,”

daripada gabungan sistem pendidikan kita seperti tahfiz qiraat, tahfiz sains dan seumpamanya tampil ke hadapan, memimpin harapan ummah dengan roh dan panduan al-Quran,” katanya.

Tambahnya, majlis graduasi tersebut adalah manifestasi komitmen berterusan kerajaan negeri melalui YIK dalam memperkasa pendidikan tahfiz sebagai teras pembinaan generasi berilmu, berakhlak dan berdaya kepimpinan.

“Inisiatif ini dijangka terus memperluas usaha melahirkan lebih ramai huffaz profesional yang mampu menyumbang kepada pembangunan negeri dan ummah secara menyeluruh,” ujarnya.



113 pelajar mangsa kebakaran Asrama SMUA Bachok terima sumbangan YAKIN

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 13 April — Sebanyak 113 pelajar Sekolah Menengah Ugama (SMU) Darul Ulum Muhammadiyah (SMUA) Bachok yang terlibat dalam insiden kebakaran asrama, bakal menerima sumbangan kebajikan sebanyak RM250 setiap seorang daripada Tabung Kumpulan Wang Kebajikan dan Pelajaran Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN).

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, keputusan tersebut dimuktamadkan dalam Mesyuarat Lembaga Pentadbir YAKIN Bilangan 1/2026 yang bersidang hari ini.

“Semalam, 12 April 2026, berlaku kebakaran asrama pelajar se-



kolah ini melibatkan 113 pelajar, 59 pelajar perempuan dan 54 pelajar lelaki.

“Takziah diucapkan kepada keluarga, murid dan pihak guru serta

pentadbir sekolah. Alhamdulillah tidak ada kemalangan jiwa atau kecederaan serius dilaporkan,” katanya menerusi media sosial, hari ini.

Beliau berkata, sumbangan tersebut bertujuan meringankan beban pelajar terlibat yang terkesan akibat kehilangan barangan peribadi susulan kejadian berkenaan.

Menurutnya lagi, kerajaan negeri melalui YAKIN sentiasa komited dalam memastikan kebajikan pelajar, khususnya di institusi pendidikan agama, terus diberi perhatian sewajarnya.

“Bantuan ini diharapkan dapat membantu pelajar yang terjejas untuk meneruskan pembelajaran dalam keadaan lebih selesa,” jelasnya.

Insiden kebakaran yang berlaku pada Ahad itu melibatkan asrama pelajar SMUA Bachok, namun tiada sebarang kemalangan jiwa dan kecederaan serius dilaporkan.

Pemimpin negeri santuni anak Kelantan di Melaka

Oleh: Irham Hilmi Hashim

BUKIT KATIL, 12 April — Pemimpin Kerajaan Negeri Kelantan menyantuni kira-kira 300 anak Kelantan yang bermastautin di Melaka dalam Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Perakan Cawangan Melaka, sekali gus mengeratkan hubungan antara pimpinan negeri dan rakyat perantauan.

Majlis yang menjadi platform “temu mato” yang mempertemukan anak-anak Kelantan dengan pemimpin negeri dalam suasana Aidilfitri yang penuh mesra itu berlangsung di Dewan Muallim Bukit Katil, pada Sabtu.

Menurut Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud, program seumpama itu dapat menghidupkan suasana perayaan dalam kalangan perantau dan menjadi jambatan penting dalam memperkukuh hubungan antara kerajaan negeri dengan rakyat di luar Kelantan.

“Majlis seperti ini memberi ruang kepada anak-anak Kelantan di perantauan untuk terus berhubung dengan perkembangan semasa negeri, di samping mengukuhkan rasa kasih dan kebersamaan terh-



adap tanah air,” katanya ketika menerusi media sosial, semalam.

Beliau berkata, pendekatan turun padang dan mendekati rakyat di luar negeri merupakan usaha berterusan kerajaan negeri bagi memastikan kebajikan serta suara anak Kelantan sentiasa diberi perhatian.

“Kerajaan negeri komited

memastikan hubungan ini tidak terputus. Kita mahu anak-anak Kelantan di mana sahaja berada terus bersama dan menyokong agenda pembangunan negeri,” ujarinya.

Majlis tersebut disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud dan turut dihadiri barisan pemimp-



in negeri termasuk Ahli Dewan Negeri (ADN) Pasir Tumbuh YB Dato' Abdul Rahman Yunus, ADN Chetok YB Zuraidin Abdullah, Ahli Parlimen Pengkalan Chepa YB Datuk Ahmad Marzuk Shaari dan Pemangku Presiden Perakan Malaysia Mohd Ariff Yusoff bersama pasukannya serta wakil masyarakat pelbagai kaum.

Program Dapur Hijau diperluas ke Melaka, terima sambutan memberangsangkan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 12 April — Program Dapur Hijau berteraskan konsep pertanian skala kecil diperluas ke Melaka dan menerima sambutan memberangsangkan daripada komuniti setempat, khususnya di Dewan Undangan Negeri (DUN) Klebang dan DUN Pantai Kundor di Parlimen Tangga Batu.

Sejumlah 68 peserta telah mendaftarkan diri untuk menyertai program berkenaan yang memfokuskan kepada konsep “mini edible garden” atau kebun kecil tanaman yang boleh dimakan di kediaman masing-masing.

Inisiatif tersebut dilihat praktikal dalam membantu golongan ibu tunggal, suri rumah serta asnaf mengusahakan tanaman sebagai sumber makanan harian, di samping berpotensi menjana pendapatan



tambahan.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, program berkenaan merupakan usaha memperkasa komuniti melalui pendekatan pertanian bandar yang mudah dilaksanakan.

Menurutnya, peserta turut dibekalkan Kit Pemula Dapur Hijau bagi memudahkan mereka memulakan aktiviti penanaman secara lebih tersusun dan berkesan.

“Inisiatif ini sebelum ini dilaksanakan secara aktif di Kelantan dan kini diperluas ke Melaka melalui pendedahan serta perkongsian kepakaran oleh Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd,” katanya menerusi media sosial pada Jumaat.

Menurutnya lagi, peluasan program itu bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pertanian bandar, selain mengukuhkan jaminan bekalan

makanan di peringkat isi rumah.

“Program ini bukan sahaja membantu mengurangkan kos sara hidup, malah berpotensi menjadi sumber pendapatan tambahan kepada peserta,” jelasnya.

Tambahnya, usaha berterusan seperti itu diharap mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan pertanian bandar yang lebih mampan, sekali gus memperkasa ekonomi komuniti di peringkat akar umbi.

172 bakal haji dari Bachok dirai pemimpin setempat



Oleh: Irham Hilmi Hashim

BACHOK, 12 April — Sebanyak 172 bakal haji dari Bachok dirai oleh pemimpin setempat dalam Majlis Solat Hajat dan Meraikan Bakal Haji sebagai simbol sokongan serta persiapan rohani menjelang keberangkatan ke Tanah Suci.

Majlis yang menjadi platform menyantuni bakal jemaah itu berlangsung di Dewan Utama Kompleks Pendidikan Islam (KPI), Kampung Badak, semalam.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Pantai Irama YB Mohd Huzaimy Che Husin berkata, penganjuran program berkenaan memberi

penekanan kepada pengukuhan spiritual di samping mengeratkan hubungan antara pemimpin dan masyarakat.

Menurutnya, berdasarkan maklumat Lembaga Tabung Haji, dianggarkan sebanyak 212 jemaah dari Bachok bakal menunaikan ibadah haji pada musim ini, mencerminkan peningkatan kesedaran umat Islam dalam melaksanakan tuntutan agama.

“Majlis ini merupakan manifestasi keprihatinan kita (pemimpin) dalam memastikan bakal jemaah haji mendapat sokongan menyeluruh, khususnya dari sudut rohani dan emosi sebelum berangkat ke Tanah Suci.

“Tidak semua orang dipilih tetapi tuan-tuan dan puan-puan adalah antara yang dipanggil oleh Allah SWT sebagai Duyufurrahman. Semoga perjalanan ibadah ini dipermudahkan dan dikurniakan haji yang mabrur serta diterima oleh Allah SWT,” katanya kepada bakal haji.

Beliau berkata, para bakal jemaah dari Bachok dijadualkan berangkat secara berperingkat bermula 22 April hingga 17 Mei 2026 mengikut jadual penerbangan yang ditetapkan pihak berkuasa haji.

Tambahnya, pelaksanaan solat hajat secara berjemaah dalam majlis tersebut menjadi titik penting dalam memohon keberkatan, ke-

selamatan dan kelancaran urusan para jemaah sepanjang menunaikan ibadah.

“Dalam suasana tawaduk, kita tadah tangan memohon setiap bakal haji diberikan kesihatan yang baik, kekuatan fizikal dan mental serta dipermudahkan segala urusan dari awal perjalanan hingga kembali ke tanah air,” ujarnya.

Beliau turut mengingatkan bakal jemaah agar memanfaatkan peluang menunaikan haji dengan sebaik mungkin melalui disiplin tinggi, pematuhan garis panduan serta penumpuan sepenuhnya kepada ibadah.

“Saya berharap para bakal haji memperbanyakkan amalan, menjaga disiplin dan mengambil peluang ini untuk memperbaiki diri sepanjang berada di Tanah Suci,” katanya.

Majlis tersebut turut diserikan dengan penyampaian sumbangan kepada bakal haji sebagai tanda sokongan dan keprihatinan pemimpin setempat melibatkan termasuk ADN Tawang YB Harun Ismail dan ADN Jelawat YB Zam-eri Mat Nawang.

Cadangan pelaburan tenaga solar di Loji Air AKSB berpotensi tingkat kecekapan operasi

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 13 April — Cadangan pelaburan penjana tenaga solar di loji Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) oleh syarikat Dekad Aliran dilihat berpotensi meningkatkan kecekapan operasi serta memperkukuh pengurusan utiliti air yang lebih mampan di negeri ini.

Exco Kerjaya, Infrastruktur dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Dr Izani Husin berkata, hasil penelitian terhadap pembentangan cadangan berkenaan mendapati inisiatif itu mampu memberi manfaat jangka panjang kepada operasi loji air.

"Pemasangan sistem tenaga solar mampu mengurangkan keber-




gantungan kepada tenaga elektrik konvensional, sekali gus menstabilkan kos operasi loji dalam jangka panjang," katanya menerusi media sosial, pada Ahad.

Menurutnya, penggunaan tenaga solar turut membantu mengurangkan pelepasan karbon serta jejak

karbon daripada operasi loji air, selaras dengan agenda kelestarian dan komitmen terhadap pembangunan hijau.

Beliau berkata, langkah tersebut mencerminkan kesediaan sektor utiliti air negeri dalam mengadaptasi teknologi tenaga boleh diperba-



harui sebagai sebahagian daripada transformasi pengurusan infrastruktur.

"Inisiatif seperti ini amat penting dalam memastikan perkhidmatan utiliti terus berdaya tahan, cekap dan mesra alam pada masa hadapan," jelasnya.

Jati diri Tumpat terus subur walau jauh dari tanah kelahiran



Oleh: Syamimi Manah

PANTAI DALAM, 13 April — Jati diri anak Tumpat terus kekal subur walaupun berada jauh dari tanah kelahiran apabila lebih 1,500 perantau berhimpun dalam Majlis Hari Raya Aidilfitri Bersama Anak Tumpat di Perantauan yang berlangsung di Dewan IWK Eco Park, di sini, pada Sabtu.

Majlis berkenaan dirasmikan oleh Ahli Dewan Negeri (ADN) Pasir Pekan YB Dato' Bentara Kanan Dato' Ahmad Yakob yang me-

nekankan peranan besar anak perantau sebagai duta negeri Kelantan.

Menurutnya, walau di mana sahaja berada, anak-anak Tumpat perlu terus menghidupkan semangat silaturrahim serta menjaga nama baik negeri.

"Peranan kita sebagai anak perantau sangat besar. Di mana sahaja kita berada, hidupkan silaturrahim dan jagalah nama baik Tumpat serta Kelantan," katanya ketika merasmikan majlis tersebut.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang

bertungkus-lumus menjayakan program berkenaan serta berharap keberkatan yang terjalin mampu diteruskan pada masa hadapan.

Sementara itu Ahli Dewan Negeri (ADN) Pengkalan Kubor YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, penganjuran majlis tersebut menjadi platform penting untuk mengeratkan ukhuwah dalam kalangan anak Tumpat di perantauan khususnya di ibu kota.

"Malam ini kita raikan anak-anak perantau Tumpat. Walaupun berada jauh, jangan sesekali melu-

pakkan negeri asal kita," ujarnya.

Beliau turut memaklumkan bahawa sebahagian juadah yang disajikan dibawa khas dari Kelantan, termasuk penyediaannya oleh chef dan tukang masak dari negeri itu bagi memberikan pengalaman suasana Aidilfitri seperti di kampung halaman.

Tambahnya, walaupun terdapat pelbagai persepsi negatif terhadap Kelantan, namun banyak perkara positif yang wajar dibanggakan oleh rakyat negeri tersebut.

Dalam masa sama, beliau yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan berharap hubungan kekeluargaan dan semangat kenegerian dalam kalangan perantau terus diperkukuh agar tidak mudah direnggangkan oleh mana-mana pihak.

Majlis sambutan Aidilfitri itu turut dihadiri Ahli Parlimen Tumpat YB Dato' Mumtaz Md Nawi.

Selain majlis sambutan Aidilfitri, pelbagai aktiviti sampingan turut diadakan pada waktu pagi bagi merapatkan hubungan sesama perantau, antaranya Program Bowling Anak Tumpat di Perantauan di Ampang Point yang melibatkan kira-kira 100 peserta dan telah dirasmikan oleh ADN Kelaboran YB Mohd Adanan Hassan.

Turut diadakan Perlawanan Bola Sepak Mahabbah Perantau Tumpat di Padang IWK Eco Park yang dirasmikan oleh ADN Wakaf Bharu YB Mohd Rusli Abdullah.

ILDAN bangun 15 modul latihan, perkasakan penjawat awam



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 12 April — Institut Latihan Darul Naim (ILDAN) berjaya membangunkan sebanyak 15 modul kursus dan latihan sejak penaiktarfannya pada tahun 2020, sekali gus memperkukuh keupayaan penjawat awam melalui pendekatan latihan berteraskan nilai Rabbani.

Inisiatif strategik itu dilihat sebagai nilai tambah signifikan dalam usaha melahirkan penjawat awam

yang bukan sahaja profesional, malah memenuhi ciri insan Rabbani yang seimbang dan holistik.

Timbalan Pengarah (Akademik dan Pendidikan) ILDAN Soleh Ibrahim berkata, pembangunan modul berkenaan dilaksanakan melalui sinergi bersama panel pakar dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Menurutnya, kerjasama tersebut memberi impak besar terhadap peningkatan kompetensi penjawat awam, khususnya dalam penguasaan ilmu generik dan fungsional.

“Bidang utama yang diberi penekanan merangkumi aspek kepimpinan, integriti, pendidikan, dakwah, komunikasi, penyelidikan serta kecekapan dalam penyampaian dasar kerajaan kepada rakyat,” katanya menerusi media sosial ILDAN, pada Jumaat.

Antara modul utama yang dibangunkan termasuk Smart UMI (Ubudiyah, Mas’uliyah dan Itqan), Pendidikan Rabbani, Budaya Komuniti Rabbani (K-RABB), Asas Pedagogi Rabbani, Asas Pentadbiran Sekolah serta Kepimpinan Pengetua.

Selain itu, turut diperkenalkan modul Smart ITQAN, Sisipan Pengajaran Sains Rabbani, Imej dan Profesional Pendakwah, Kepimpinan Guru Dakwah, Komunikasi Organisasi Berimpak serta Kepimpinan Ihtirafi.

Modul lain meliputi Pengajaran Bahasa Arab Pendekatan i-Baraka, Integriti Perspektif UMI serta Emosi Positif dan Pekerja Produktif.

Beliau berkata, pelaksanaan kursus bagi setiap modul ditetapkan antara satu hingga tiga hari bergantung kepada kandungan serta keperluan semasa agensi.

“Penyelarasan tempoh ini penting bagi memastikan keberkesanan latihan dapat dicapai secara optimum,” katanya.

Tambahnya, semua modul dibangunkan dengan mengaplikasikan Model Pembangunan Modul dan Kejurulatihan (W-PASKi) bagi menjamin kualiti serta keseragaman latihan.

“Modul ini menjadi panduan berstruktur yang memastikan pembangunan modul berteraskan sumber wahyu, warisan ulama dan nilai watan, di samping mengintegrasikan pengetahuan serta pengalaman.

“Dokumen ini menterjemahkan amalan terbaik ke dalam aplikasi semasa yang praktikal, dengan pendekatan yang mampu membara perubahan sikap dan sahsiah peserta secara mendalam,” jelasnya.

Kelantan tekankan TVET Rabbani lahirkan tenaga mahir berakhlak

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 13 April — Kerajaan Negeri Kelantan memberi penekanan kepada pembangunan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) berteraskan nilai Rabbani dalam usaha melahirkan tenaga mahir yang bukan sahaja kompeten, malah berakhlak dan berintegriti.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato’ Wan Roslan Wan Mamat berkata, pendekatan TVET di Kelantan tidak hanya tertumpu kepada kemahiran teknikal semata-mata sebaliknya merangkumi pembentukan sahsiah dan nilai spiritual yang seimbang.

Menurutnya, sebagai negeri yang dikenali sebagai Serambi Mekah, Kelantan dibangunkan atas asas tradisi keilmuan Islam yang kukuh, budaya masyarakat yang cintakan agama serta kepimpinan yang menitikberatkan pembangunan berteraskan nilai.

“Pembangunan sebenar bukan sekadar pembangunan fizikal, tetapi pembangunan manusia yang berilmu, beriman dan berakhlak,” katanya ketika merasmikan Majlis Libat Urus Majlis TVET Negeri



Kelantan bersama Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) negeri serta Majlis Penyampaian Sijil Penilaian Akademi Dalam Industri (ADI), di sini.

Beliau berkata, kerajaan negeri komited melahirkan Insan Rabbani yang mantap akidah, tinggi ilmu dan kemahiran, mulia akhlak serta ikhlas dalam amal, selari dengan hasrat membentuk generasi seimbang dunia dan akhirat.

Tambahnya, TVET kini menjadi laluan utama pembangunan modal insan serta pemacu ekonomi berasaskan kemahiran, selain menyumbang kepada peningkatan kebolehpasaran graduan.

“Di Kelantan, kita mahu melahirkan pekerja mahir yang bukan sahaja cekap dalam bidang masing-masing, tetapi juga amanah,

berintegriti dan menjadikan pekerjaan sebagai ibadah,” jelasnya.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan bahawa majlis libat urus berkenaan menjadi platform penting dalam memperkukuh kerjasama antara kerajaan negeri, agensi persekutuan, GLC, pihak industri serta institusi pendidikan dan latihan.

Katanya, kerjasama strategik itu penting bagi memastikan latihan yang ditawarkan relevan dengan kehendak industri, graduan memiliki kemahiran sebenar, peluang pekerjaan diperluas serta ekonomi negeri terus diperkasakan.

Mengulas lanjut, beliau menegaskan bahawa inisiatif Akademi Dalam Industri (ADI) merupakan pendekatan signifikan bagi merapatkan jurang antara dunia pendidi-

kan dan dunia pekerjaan melalui penglibatan langsung pihak industri.

“Pendekatan ini menjadikan pembelajaran lebih praktikal dan realistik, sekali gus melahirkan graduan yang lebih bersedia untuk terus bekerja,” katanya.

Dato’ Wan Roslan turut berharap agar TVET terus diperkasakan sebagai arus perdana pendidikan, lebih banyak industri tampil sebagai rakan strategik, institusi pendidikan kekal inovatif serta generasi muda memilih TVET sebagai laluan kerjaya utama.

“Paling penting, kita mahu melahirkan generasi TVET Rabbani yang mampu membina ekonomi negeri tanpa mengabaikan tuntutan agama serta menjadi aset kepada ummah,” ujarnya.



Projek tanaman tin PKPNK tuai hasil pertama, jualan ladang dibuka bermula hari ini

Oleh: Asri Hamat

PASIR MAS, 13 April — Projek tanaman buah tin oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) di Ladang Agrovalley Rong Chenok mencatat pencapaian penting apabila hasil pusingan pertama berjaya dituai, sekali gus membuka jualan ladang kepada orang ramai bermula hari ini.

Pengurus Projek PKPNK Muhd Azri Roslin berkata, projek yang dimulakan pada November 2025 itu kini menunjukkan perkembangan positif apabila mengeluarkan hasil sulung dalam tempoh beberapa bulan.

Menurutnya, sempena penuaian pertama tersebut, pihaknya membuka peluang kepada orang ramai untuk membeli serta merasai pengalaman memetik sendiri buah tin secara terus di ladang.

“Kita mengalu-alukan orang ramai untuk datang membeli dan memetik sendiri buah tin di ladang ini sebagai satu pengalaman baharu



kepada pengunjung,” katanya ketika ditemui di lokasi, hari ini.

Beliau berkata, tanaman buah tin mempunyai keunikan tersendiri kerana memerlukan persekitaran yang sesuai, namun PKPNK berjaya mengusahakannya di lokasi berkenaan melalui pendekatan teknologi pertanian moden.

“Pada peringkat awal, sebanyak 200 pokok ditanam dalam sebuah rumah hijau dan kita merancang menambah dua hingga tiga lagi rumah hijau pada masa akan datang,” katanya.

Sementara itu, Pegawai Pemasaran PKPNK Nor Atieqah Aidiie Afandee berkata, harga jualan ditetapkan RM60 sekilogram dengan anggaran 12 hingga 15 biji buah bagi setiap kilogram bergantung kepada saiz.

Menurutnya, jualan ladang akan berlangsung sehingga tamat musim pusingan pertama yang dijangka berakhir pada Jun depan.

“Waktu operasi bermula dari pukul 8.30 pagi hingga 12 tengah hari setiap hari sepanjang musim ini,” katanya.

Beliau berkata, orang ramai yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai lokasi dan perkembangan semasa melalui media sosial rasmi PKPNK <https://www.facebook.com/PerbadananKemajuanPertanianNegeriKelantan/>

Tambahnya, tanaman buah tin mempunyai jangka hayat antara 15 hingga 20 tahun, sekali gus berpotensi sebagai tanaman komersial yang mampu menjana pulangan jangka panjang kepada industri pertanian negeri.

137 pelajar cemerlang DUN Pengkalan Kubor terima sumbangan



Oleh: Asri Hamat

PENKALAN KUBOR, 13 April — Sebanyak 137 pelajar cemerlang dari Dewan Negeri (DUN) Pengkalan Kubor yang mencapai keputusan membanggakan dalam peperiksaan utama tahun 2025 menerima sumbangan kecemerlangan dalam satu majlis di Wisma Imtiyaz, di sini, Khamis lalu.

Pelajar yang diraikan terdiri daripada lepasan Sijil Menengah Ugama (SMU), Sijil Pelajaran Ma-

laysia (SPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Sijil Tinggi Ugama Pondok (STUP).

Sumbangan disampaikan oleh Ahli Dewan Negeri (ADN) Pengkalan Kubor yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat sebagai tanda penghargaan terhadap usaha dan pencapaian para pelajar.

Menurutnya, penganjuran majlis tersebut bukan sahaja bertujuan meraikan kejayaan pelajar, malah menjadi pemangkin untuk terus melakar kecemerlangan dalam

akademik dan sahsiah diri.

“Majlis ini diadakan sebagai satu bentuk penghargaan kepada pelajar cemerlang dan diharapkan dapat menyuntik semangat untuk mereka terus istiqamah dalam menuntut ilmu,” katanya menerusi media sosial, pada Jumaat.

Majlis berkenaan bermula dengan sesi motivasi sebagai pengisian awal bagi membina keyakinan diri serta meningkatkan semangat dalam kalangan pelajar untuk terus berusaha mencapai kejayaan.

Dalam perkembangan berkaitan, Kerajaan Negeri Kelantan

sebelum ini mengumumkan pemberian insentif sebanyak RM500 kepada pelajar cemerlang dalam peperiksaan SPM, STAM dan STPM.

Kelayakan permohonan ditetapkan kepada pelajar yang memperoleh 9A bagi SPM, pangkat Mumtaz bagi STAM serta 4A bagi STPM.

Permohonan boleh dibuat menerusi laman sesawang Yayasan Islam Kelantan atau secara terus di pejabat agensi berkaitan bermula 9 April 2026, dengan tarikh tutup pada 19 April ini.



Exco Kebajikan ziarah keluarga Allahyarhamah Nur Fatimatul Hawa

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 14 April — Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim menziarahi keluarga pelajar tingkatan satu SMK Tanjung Mas Allahyarhamah Nur Fatimatul Hawa Mohd Azudin, mangsa kemalangan di kawasan sekolah, Ahad lalu.

Menurutnya, setiap kejadian yang berlaku adalah ketentuan Allah SWT dan tragedi tersebut harus dijadikan peringatan kepada semua pihak agar lebih mengutamakan keselamatan.

“Ajal dan maut urusan Allah, dan setiap yang berlaku adalah ketentuan-Nya. Kejadian ini tidak disengajakan, namun menjadi satu peringatan besar buat kita semua,” katanya di laman rasmi, pada



Isnin.

Dalam pada itu, beliau yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Tanjung Mas berharap pihak sekolah dapat mengambil langkah penambahbaikan khususnya dari aspek keselamatan, termasuk penyediaan kawasan parkir yang lebih sesuai bagi mengelakkan kejadian tidak diingini berulang.

“Untuk masa akan datang, diharap pihak sekolah dapat mengambil langkah lebih selamat, bagi menyediakan kawasan parkir yang lebih sesuai untuk kenderaan guru serta menjaga keselamatan para pelajar kerana malang tidak berbau,” ujarnya.

Dato' Rohani turut mendoakan agar keluarga Allahyarhamah

diberikan kekuatan, kesabaran dan reda dalam menghadapi ujian tersebut.

“Semoga ahli keluarga diberikan kesabaran dan reda dalam menghadapi ujian ini. Semoga Allahyarhamah ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman dan beramal soleh. Al-Fatihah,” katanya.

Lebih 50,000 perantau Kelantan sertai sambutan Aidilfitri di 45 lokasi



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 13 April — Lebih 50,000 anak Kelantan di perantauan menyertai Majlis Aidilfitri Kerajaan Negeri Bersama Anak-Anak Kelantan di Perantauan.

Program berkonsepkan ukhuwah dan kebersamaan pemimpin-rakyat itu dianjurkan sepanjang bulan Syawal di 45 lokasi seluruh negara termasuk Sabah dan Sar-

awak.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, program berkenaan merupakan inisiatif kerajaan negeri di bawah portfolio hubungan seranta bagi mengeratkan hubungan dengan rakyat Kelantan yang berada di luar negeri.

Menurutnya, penganjuran ma-

jlis tersebut dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Anak-Anak Kelantan Perantauan Malaysia (PERAKAN Malaysia), Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) serta Back Bencher Club (BBC).

“Program ini menjadi platform penting untuk menyatukan anak-anak Kelantan di perantauan dalam suasana Aidilfitri, di samping

mengukuhkan hubungan silaturahim antara kerajaan negeri dan rakyat,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya lagi, majlis yang berlangsung di Kuantan dihadiri Menteri Besar dan timbalannya serta barisan Exco Kerajaan Negeri Kelantan. Manakala program di Melaka disertai Menteri Besar bersama para Exco Kerajaan Negeri Kelantan.

Tambahnya, bagi penganjuran di lokasi lain, kehadiran wakil kerajaan negeri disempurnakan oleh Ahli-Ahli Dewan Negeri (ADN) Back Bencher Club (BBC) yang diketuai Presiden BBC merangkap ADN Pasir Tumbuh YB Dato' Abdul Rahman Yunus.

“Penganjuran berskala besar ini membuktikan komitmen berterusan kerajaan negeri dalam memastikan hubungan dengan anak Kelantan di perantauan terus diperkukuh walau di mana mereka berada,” ujarnya.

Beliau turut berharap program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai wadah penyatuan ummah serta pengukuhan identiti anak Kelantan di perantauan.

Kelantan, TVET dan tafsiran kemajuan



Oleh: Norzana Razaly

DALAM wacana pembangunan nasional, satu kecenderungan sering berulang - menilai maju atau mundurnya sesebuah negeri dengan neraca sempit. Negeri yang dipenuhi citra industri berat, bangunan kaca, dan gaya hidup metropolitan dipersepsikan sebagai progresif.

Sebaliknya, negeri yang tekal memelihara agama, budaya dan adab tempatan sering disalah baca sebagai lambat, tertutup atau tidak berdaya saing. Dalam konteks inilah Kelantan kerap menjadi sasaran stereotaip. Namun perkembangan mutakhir dalam dasar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negeri menunjukkan bahawa tanggapan tersebut semakin goyah.

Berdasarkan pengumuman terkini, Kelantan sedang merintis laluan latihan berteknologi tinggi ke Korea Selatan dan Jerman, sambil mengekalkan pendidikan Islam sebagai paksi pembinaan insan.

Apa yang sedang berlaku di Kelantan penting dibaca sebagai anjakan makna terhadap konsep pembangunan itu sendiri. Menurut Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat, kerajaan negeri merancang menghantar 15 pelajar aliran agama ke Korea Selatan bagi mengikuti latihan dalam bidang enjin, elektrik dan teknologi kenderaan elektrik, sementara laluan ke Jerman sedang dirintis.

Dalam masa yang sama, pengajian Islam terus diperkukuh melalui penawaran pengajian ke Tunisia dan usaha mendapatkan kuota khas di Algeria. Ini menandakan bahawa Kelantan tidak memilih antara agama dan teknologi tetapi menyusun kedua-duanya dalam satu kerangka pembangunan insan yang saling melengkapi.

Berkemahiran dan berakhlak

Kemajuan dalam definisi Kelantan, merujuk soal jenis manusia yang hendak dibentuk oleh sesebuah masyarakat. Dalam tradisi teori pembangunan manusia, negara atau wilayah yang benar-benar maju menghasilkan pekerja cekap dan membina warga yang mempunyai keupayaan teknikal, kejelasan moral dan ketahanan budaya.

Kelantan, melalui gagasan TVET Rabbani, sedang mengemukakan model bahawa tenaga mahir tidak semestinya lahir daripada proses sekularisasi nilai. Sebaliknya, kemahiran tinggi boleh dibangunkan bersama pembentukan akhlak, amanah dan integriti kerja. Dengan kata lain, negeri ini sedang menawarkan naratif bahawa pekerjaan juga ialah ibadah, bukan semata-mata fungsi pasaran.

Ekosistem kemahiran diperkukuh

Maklumat rasmi Jabatan Pembangunan Kemahiran pula menunjukkan pendekatan Akademi Dalam Industri (ADI) menekankan latihan berasaskan pekerjaan, sekali gus memperkukuh hubungan antara institusi latihan dan realiti industri.

Majlis pentauliah ADI di Kelantan pada 13 April 2026 melibatkan sembilan pemain industri dan institusi tempatan memperlihatkan bahawa ekosistem kemahiran di negeri ini sedang diperkukuh secara sistematik.

Program kemahiran yang menerima pentauliah ialah Program Operasi Pengeluaran Tanaman melibatkan Pusat Latihan Pertanian Al-Falah (KPKB), Huffaz Agro Farm, Maahad Tahfiz Darul Ulum, Yayasan Kebajikan Anak-Anak Yatim Kelantan, Maahad Muhammadi Gua Musang, Pondok Pengajian Islam serta

Pondok Ar-Rahmaniah Darul Quran.

Selain itu, Program Pengendalian Tanaman Cendawan (Tanah Rendah) turut ditauliahkan kepada Pusat Latihan Pertanian Al-Falah (KPKB) dan Pondok Dakwah Islamiyyah Sri Permai, manakala Program Pengoperasian Masjid serta Pengajaran Tahfiz dilaksanakan melalui Pusat Pembangunan KIAS bersama rakan strategik berkaitan.

Ertinya, Kelantan sedang melakukan sesuatu yang menarik dari sudut sosiologi institusi, iaitu memperluas definisi medan latihan kemahiran dengan menghubungkan institusi tradisi agama kepada piawaian latihan moden.

Ini satu inovasi sosial yang menggabungkan legitimasi budaya tempatan dengan keperluan ekonomi semasa. Dalam bahasa yang lebih mudah, Kelantan tidak merobohkan rumah lama untuk membina yang baharu tetapi memperkukuh tiang rumah itu agar mampu menampung teknologi abad ini.

Kritikan bahawa Kelantan tidak berdaya saing juga menjadi lemah apabila kita meneliti arah sektor yang sedang diberi perhatian. Teknologi kenderaan elektrik, elektrik, enjin, automasi, logistik moden dan penyelenggaraan infrastruktur ialah bidang yang sangat rapat dengan transformasi ekonomi masa depan.

Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) yang berskala global sendiri menegaskan TVET amat penting untuk ekonomi hijau kerana menyediakan pekerja bagi sektor utama seperti pengangkutan, tenaga, pembinaan dan pembuatan.

Bergerak seiring arus ekonomi

Mutakhir, latihan vokasional di banyak negara juga semakin menekankan kemahiran berkaitan penyelenggaraan kenderaan elektrik, literasi digital dan penyesuaian terhadap mobiliti hijau. Maka apabila Kelantan memasukkan elemen EV dan kerjasama industri dalam kerangka TVET-nya, negeri ini sebenarnya sedang bergerak seiring dengan arus ekonomi global, bukannya berada di pinggir zaman.

Lebih menarik, pilihan Korea Selatan dan Jerman sebagai destinasi latihan kerana Jerman terkenal dengan sistem latihan vokasional dual yang menggabungkan pembelajaran teori dengan latihan praktikal di tempat kerja, sementara portal rasmi kerajaan Jerman menjelaskan bahawa latihan vokasional di negara itu terbina melalui gabungan sekolah, industri dan badan profesional.

Model ini menjadi contoh klasik bagaimana

RENCANA

pembentukan tenaga kerja berkemahiran tinggi tidak berlaku melalui penyelarasan rapat antara pendidikan dan keperluan ekonomi sebenar. Oleh itu, hasrat Kelantan membuka laluan ke Jerman membawa makna strategik iaitu memperkenalkan anak negeri kepada budaya kerja, disiplin industri dan teknologi yang terbukti berkesan di salah satu ekonomi perindustrian termaju dunia.

Pemeliharaan jati diri

Paling penting, mesej kebudayaan di sebalik dasar ini ialah Kelantan sedang membuktikan bahawa pemeliharaan jati diri Melayu-Islam tidak semestinya menjadi lawan kepada kemajuan.

Dalam wacana moden yang terlalu lama dikuasai andaian sekular, tradisi sering digambarkan sebagai beban yang mesti ditinggalkan untuk mencapai daya saing. Padahal sejarah banyak menunjukkan sebaliknya. Buktinya, Jerman sendiri kekal sebagai kuasa industri dan inovasi walaupun negara itu mengekalkan komitmen besar terhadap institusi budaya serta pemeliharaan warisan.

Dokumen rasmi kerajaan persekutuan Jerman menegaskan pemeliharaan dan penjagaan institusi budaya serta warisan merupakan antara fokus penting dasar negaranya. Dalam erti kata lain, Jerman tidak menjadi maju dengan mengurur tradisi sebagai aset peradaban.

Switzerland juga memberi gambaran yang hampir serasi dengan hujah Kelantan. Negara itu dikenali sebagai antara ekonomi paling inovatif, namun sistem pendidikannya amat menekankan laluan vokasional dan profesional. Maklumat rasmi Switzerland menyatakan pendidikan vokasional ialah bahagian integral sistem pendidikannya, dengan sifat kebolehlaluan yang tinggi antara latihan, pekerjaan dan pendidikan lanjutan.

Dalam masa yang sama, pelbagai dokumen rasmi Switzerland menonjolkan bagaimana negara itu memelihara kepelbagaian bahasa, warisan tempatan dan identiti kebudayaan sambil terus melaksanakan transformasi digital dan inovasi. Ertinya, tradisi dan inovasi di Switzerland bukan dua kutub yang berperang tetapi dua arus yang dirapatkan dalam satu sistem sosial yang matang.

Pola acuan lokal

Contoh Jerman dan Switzerland penting kerana kedua-duanya ialah negara Barat yang lazimnya dijadikan penanda aras kemajuan. Namun kedua-duanya tidak menuntut masyarakat mereka mencabut akar budaya untuk menjadi moden. Mereka mengekalkan warisan, menghormati sejarah, memelihara identiti tempatan,

dan pada masa yang sama membangunkan ekonomi berasaskan kemahiran tinggi.

Maka apabila Kelantan cuba mengimbangkan ilmu agama, latihan teknikal dan pembentukan sahsiah, negeri ini sebenarnya tidak menyimpang daripada logik kemajuan global. Sebaliknya, Negeri julukan Serambi Mekah ini sedang bergerak menurut pola yang juga dapat dikesan pada negara-negara yang berjaya dengan acuan lokal Melayu-Islam yang lebih sesuai dengan sosiosejarah sendiri.

Pembangunan berakar budaya

Sesebuah masyarakat lebih berdaya tahan apabila institusi modennya tumbuh daripada nilai yang dipercayai oleh rakyat bukan dipaksa sebagai import mental yang terpisah daripada jiwa tempatan.

Kelantan memahami bahawa masyarakatnya mempunyai tradisi keagamaan yang kuat, rangkaian pondok yang hidup dan imaginasi sosial yang masih melihat ilmu sebagai amanah. Daripada meminggirkan unsur ini atas nama pembedaan, kerajaan negeri mengolahnya menjadi sumber legitimasi untuk meluaskan TVET.

Langkah menghubungkan pondok, tahfiz, institusi komuniti dan industri melalui ADI ialah bentuk kejuruteraan sosial yang halus tetapi signifikan. Tindakan ini menurunkan tembok palsu antara “agama” dan “kemahiran”, antara “pondok” dan “industri”, antara “akhirat” dan “pekerjaan”.

Sudah tentu, rencana ini tidak tenggelam dalam romantisme. Cabaran sebenar tetap besar. Kelantan mesti memastikan penghantaran pelajar ke Korea dan Jerman perlu disusuli dengan

gan pemetaan sektor strategik negeri, rangkaian penempatan kerja, pengukuhan bahasa teknikal asing, pengiktirafan sijil, serta pembinaan ekosistem industri tempatan yang mampu menyerap kemahiran baharu.

Tanpa susulan institusi yang kukuh, inisiatif yang baik boleh menjadi sekadar poster dasar. Namun apabila majlis libat urus TVET negeri, penglibatan UPEN, JPK, GLC dan institusi latihan sudah mula digerakkan, terdapat petunjuk bahawa Kelantan sedang membina ekosistem yang positif.

Rumusan

Akhirnya, dakwaan bahawa Kelantan mundur dan tidak berdaya saing perlu dicabar dengan lebih jujur dan lebih ilmiah. Justeru kemajuan tidak tunggal wajahnya. Ada negeri yang memilih kemajuan melalui urbanisasi ekstrem dan pemutusan tradisi. Ada pula negeri yang memilih kemajuan melalui pengukuhan manusia, pembinaan akhlak, dan penyesuaian teknologi dengan nilai setempat.

Kelantan jelas cenderung kepada jalan yang kedua. Melalui laluan TVET berteknologi tinggi ke Korea dan Jerman, sambil terus memelihara pengajian Islam ke Tunisia dan Algeria, Kelantan sedang mengemukakan satu tesis pembangunan yang penting - anak muda boleh mahir mengendalikan teknologi tercanggih tanpa kehilangan pedoman akidah, bahasa budaya dan maruah peradaban.

Di tengah-tengah dunia yang sering mengelirukan kemajuan dengan peniruan, Kelantan memilih untuk maju dengan gaya tersendiri melalui strategi Penghayatan Membangun Bersama Islam.



Penyelarasan isu-isu pertanian dibincang, atasi cabaran semasa - Exco Pertanian



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 14 April-Kerajaan Negeri Kelantan mengadakan mesyuarat penyelarasan isu-isu sektor pertanian bagi membincang cabaran semasa yang dihadapi sektor pertanian di negeri ini, khususnya dalam mendepani krisis peperangan global dan perubahan iklim.

Exco Pertanian, Industri Agro-

makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, perbincangan bersama agensi serta jabatan berkaitan memberi tumpuan kepada kesan berganda krisis global terhadap pemain industri.

Menurutnya, antara isu utama yang dibincangkan termasuk peningkatan kos diesel, kemarau serta tekanan kos operasi dan input pertanian yang memberi kesan

langsung kepada petani, penternak dan nelayan.

“Kita juga meneliti isu rantaian bekalan makanan, kestabilan harga serta keperluan intervensi segera bagi memastikan sektor ini terus berdaya tahan,” katanya menerusi media sosial, pada Isnin.

Beliau menegaskan, kerajaan negeri komited untuk menyelaras tindakan bersama semua pihak termasuk agensi dan pemain industri

dalam memperkukuh mekanisme bantuan.

“Antara usaha yang diperkasa termasuk Bantuan Sejahtera Tani bagi meringankan beban golongan sasaran.

“Insya Allah, segala usaha ini adalah demi memastikan kebajikan petani, penternak dan nelayan terus terbela, sekali gus menjamin kecukupan bekalan makanan rakyat,” katanya.



GEPA Al-Falah diiktiraf laluan rasmi TVET, perantis jalani latihan SKM

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 15 April — Gerakan Pertanian (GEPA) Al-Falah Pondok dan Tahfiz diiktiraf sebagai laluan rasmi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam bidang pertanian, sekali gus membolehkan perantis menjalani latihan teori dan praktikal bagi melayakkan mereka memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

Pengiktirafan tersebut dilihat sebagai satu lonjakan penting dalam memperkasa institusi pondok dan tahfiz dengan kemahiran teknikal yang relevan, selari dengan keperluan semasa industri agromakanan.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail menzahirkan kesyukuran atas pengiktirafan tersebut yang disifatkan sebagai langkah strategik dalam memperluas akses pendidikan kemahiran kepada pelajar pondok.

Menurutnya, inisiatif berkenaan pada asalnya digerakkan bagi

menghidupkan tanah wakaf dan kawasan terbiar di sekitar pondok dan pusat tahfiz al-Quran melalui aktiviti pertanian yang disepadukan dengan latihan kemahiran.

“Inisiatif ini bukan sekadar pertanian, tetapi menggabungkan tarbiah, kemahiran dan kelangsungan ekonomi, sekali gus melahirkan pelajar yang seimbang dari segi ilmu agama dan kemahiran praktikal,” katanya menerusi media sosial pada Isnin.

Tambahnya, program tersebut dirancang agar tidak mengganggu sistem pembelajaran sedia ada, sebaliknya menjadi nilai tambah melalui latihan berstruktur dan berter-

usan.

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan bahawa pengiktirafan itu direalisasikan melalui kerjasama strategik antara Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JKP) Wilayah Timur yang menjadikan platform tersebut sebagai laluan rasmi TVET pertanian.

“Melalui pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), para perantis akan menjalani latihan teori dan praktikal sebelum layak menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM),” ujarnya.

Kejayaan tersebut diraikan dalam Majlis Penyampaian Sijil Pen-

tauliah Akademi Dalam Industri (ADI) sempena sesi libat urus Majlis TVET Negeri Kelantan bersama syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dengan kerjasama JPK di Mabna MBI, Kompleks Kota Darulnaim, pada Isnin.

Untuk rekod, GEPA Al-Falah Pondok dan Tahfiz diperkenalkan sejak 2018 sebagai usaha mengoptimumkan penggunaan tanah wakaf dan kawasan terbiar melalui aktiviti pertanian. Inisiatif itu kemudiannya diperkasakan pada 2019 dengan peruntukan sebanyak RM300,000 yang disalurkan kepada 10 pondok terpilih melalui Pusat Pembangunan Pondok Berhad.



Vaksinasi ruminan dipergiat, lindungi ternakan dijangkiti wabak

Oleh: Irham Hilmi Hashim

PASIR PUTEH, 15 April — Usaha memperkasa program vaksinasi ruminan terus dipergiat bagi melindungi ternakan daripada ancaman wabak penyakit berjangkit, sekali gus menjamin kelangsungan industri penternakan negeri.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Negeri Kelantan YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, langkah pencegahan melalui vaksinasi merupakan pendekatan penting dalam memastikan sektor penternakan kekal stabil dan berdaya tahan.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Kesedaran Penyakit Ruminan dan Vaksinasi FMD, LSD serta Brucella di pekarangan Pejabat Veterinar Pasir Puteh, di sini, pada Selasa.

Program yang melibatkan penyertaan 70 penternak dari Dewan Negeri (DUN) Semerak dan Gaal itu memfokus kesedaran dan kesiapsiagaan dalam menghadapi risiko penyakit ruminan.



Menurutnya, penyakit seperti Penyakit Kuku dan Mulut (FMD), Lumpy Skin Disease (LSD) dan Brucella berpotensi memberi kesan besar terhadap kesihatan ternakan serta ekonomi penternak sekiranya tidak dikawal secara berkesan.

“Kesedaran dan tindakan pencegahan melalui vaksinasi merupakan benteng utama dalam melindungi industri penternakan daripada ancaman penyakit berjangkit,” katanya.

Menurutnya lagi, program berkenaan menjadi platform penting dalam menyampaikan maklumat tepat kepada penternak, khususnya dalam menghadapi cabaran cuaca

tidak menentu yang boleh meningkatkan risiko penularan penyakit.

“Kerajaan Negeri sentiasa komited memastikan kebajikan penternak terus terbela melalui pelbagai inisiatif termasuk program kesedaran, vaksinasi dan sokongan input penternakan,” ujarnya.

Beliau juga merakamkan penghargaan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan atas usaha berterusan melaksanakan program libaturus bersama komuniti penternak di seluruh negeri.

“Saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Veterinar yang konsisten turun padang memperkukuh

langkah pencegahan dan kawalan penyakit secara bersepadu,” katanya.

Beliau turut menyampaikan sumbangan silaj dalam bentuk baller keluaran Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd bagi memastikan bekalan makanan ternakan kekal mencukupi, khususnya ketika musim kemarau.

“Sumbangan ini diharap dapat membantu penternak mengekalkan produktiviti ternakan walaupun berdepan kekangan sumber makanan hijau,” jelas beliau.

Turut hadir, Ahli Dewan Negeri (ADN) Gaal YB Mohd Rodzi Jaafar.



Ahmad's Fried Chicken yakin kuasa beli rakyat Kelantan, buka cawangan baharu di Tunjong



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 15 April — Keyakinan terhadap kuasa beli rakyat Kelantan menjadi faktor utama Ahmad's Fried Chicken mengembangkan perniagaan makanan dan minuman dengan membuka cawangan baharu di Bandar Baharu Tunjong, di sini.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, pembukaan restoran tersebut mencerminkan kepercayaan pelabur terhadap kemam-

puan pasaran tempatan meskipun berdepan cabaran ekonomi semasa.

Menurutnya, kehadiran jenama seperti Ahmad's Fried Chicken mampu mewujudkan persaingan sihat dalam industri makanan dan minuman selain menambah pilihan kepada pengguna.

“Tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak pengurusan atas komitmen memperluaskan perniagaan serta keyakinan terhadap potensi rakyat



Kelantan,” katanya menerusi laman rasmi pada Isnin.

Beliau berkata, pembukaan cawangan baharu itu turut memberi impak positif kepada ekonomi setempat melalui penciptaan peluang pekerjaan serta merencanakan aktiviti perniagaan.

Timbalan Menteri Besar merakamkan penghargaan atas undangan merasmikan restoran tersebut pada 13 April lalu dan mengajak orang ramai untuk terus menyokong usahawan tempatan.

“Jom sama-sama kita pakat singgah, sokong usahawan tempatan dan rasai sendiri keenakan yang disajikan. Semoga segala usaha ini diberkati dan perniagaan ini terus maju jaya,” ujarnya.

Sementara itu, rakan kongsi Ahmad's Fried Chicken Syahrul Azam Mohd Ramli, 47, berkata syarikat berkenaan kini mempunyai 58 cawangan di seluruh negara, termasuk 26 restoran di Malaysia.

Menurutnya, pemilihan Bandar Baharu Tunjong sebagai lokasi pembukaan dibuat berdasarkan perkembangan pesat kawasan tersebut yang semakin menjadi tumpuan.

“Kami melihat Bandar Baharu Tunjong mempunyai potensi besar dari segi pertumbuhan ekonomi dan kehadiran komuniti yang semakin meningkat, sekali gus sesuai untuk pengembangan perniagaan,” jelasnya.

PSPM wajar diiktiraf sektor kritikal, layak terima subsidi diesel – Exco PBT

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 15 April — Pengurusan Sisa Pepejal Mubaarakkan (PSPM), perkhidmatan perbandaran dan pembersihan awam oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) wajar diiktiraf sebagai sektor kritikal yang layak menerima subsidi diesel daripada Kerajaan Persekutuan.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar, YB Hilmi Abdullah berkata, pengiktirafan tersebut penting bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan asas yang memberi kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat.

Beliau berkata demikian ketika mempengerusikan Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah PSPM Bil. 1/2026 di Bilik Mesyuarat Exco, di Mabna, pada Selasa.

Menurutnya, kenaikan harga diesel ketika ini memberi tekanan ketara terhadap operasi pengurusan sisa pepejal, khususnya melibatkan kos logistik dan penyelenggaraan harian di tapak pelupusan.

“Perkhidmatan kutipan dan pelupusan sisa pepejal bukan sahaja melibatkan aspek kebersihan,



dan berkaitan rapat dengan kesejahteraan awam. Justeru, sektor ini tidak boleh dipinggirkan daripada pertimbangan subsidi diesel kerana impaknya amat besar kepada rakyat, khususnya di kawasan bandar,” katanya.

Beliau juga menjelaskan, PSPM kini menguruskan empat tapak pelupusan sampah milik tujuh PBT di Kelantan, dan sebarang peningkatan kos operasi tanpa sokongan sewajarnya berpotensi menjejaskan kelangsungan perkhidmatan tersebut.

“Jika isu ini tidak ditangani secara menyeluruh, ia bukan sahaja memberi kesan kepada operasi harian, malah boleh menjejaskan rantaian ekonomi sektor lain yang bergantung kepada persekitaran bersih

dan terurus,” ujarnya.

Tambahnya, beberapa inisiatif strategik dipersetujui bagi memastikan operasi di tapak pelupusan terus berjalan secara optimum meskipun berdepan tekanan kos semasa.

Selain itu, katanya lagi, mesyuarat turut membentangkan laporan insiden kebakaran di tapak pelupusan sampah di Bukit Che Ros, Tanah Merah serta Beris Lalang, Bachok. Ahli Lembaga bersetuju menerima cadangan langkah mitigasi yang dikemukakan pihak pengurusan dengan kerjasama Majlis Daerah Tanah Merah bagi mengelakkan kejadian berulang.

Mengulas lanjut, YB Hilmi berharap Kerajaan Persekutuan dapat merangka pendekatan menyeluruh

dalam masa terdekat bagi menangani impak kenaikan harga diesel yang semakin dirasai pelbagai sektor.

“Kerajaan Persekutuan diharapkan dapat mempertimbangkan mekanisme terbaik agar sektor perkhidmatan awam seperti pengurusan sisa pepejal tidak terjejas, demi memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara,” ujarnya.

Turut hadir, Pegawai Eksekutif PMBK Dr Mohd Zulkuffli Zakaria, Pengarah PSPM & Managing Director Greenviro Solutions Sdn Bhd Dato’ Syamshuar Husin, Pengerusi Jawatankuasa Kerja CSR IWK – KUM Cares Mahadi Mokhtar, CEO PSPM dan COO Greenviro Solutions Sdn Bhd Noor azam Mastor.

SR Rezeki Venture kotej pertama Kelantan peroleh Sijil Halal



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 15 April — Syarikat SR Rezeki Venture mencipta sejarah apabila menjadi kotej pertama di Kelantan yang berjaya memperoleh Sijil Pengesahan Halal Malaysia berkuat kuasa 1 April lalu, sekali gus membuka ruang baharu kepada usahawan kecil menembusi piawai industri halal.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan

Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, beliau hadir menyerahkan sendiri sijil halal tersebut kepada pemilik syarikat Noor Syahirah Roslan di kediamannya di Kampung Paya Bemban, hari ini.

Menurut YB Mohd Asri, pencapaian itu membuktikan pengusaha industri kecil dan kotej berupaya memenuhi standard pensijilan halal yang ditetapkan, sekali gus meningkatkan keyakinan pengguna terhadap produk tempatan.

“Syarikat ini mengeluarkan produk makanan seperti Lasagna Ayam Alfredo dan Lasagna Daging Bolognese di bawah skim permohonan produk makanan,” katanya menerusi laman rasmi, hari ini.

Menurutnya lagi, produk keluaran syarikat berkenaan kini turut dibekalkan ke beberapa premis tempatan termasuk Sogno Coffee, Alkhatiri Coffee dan Kayuan Coffee, selain dibuka untuk tempahan masyarakat setempat.

Tambah beliau, kejayaan tersebut wajar menjadi dorongan kepada lebih ramai usahawan kotej di negeri ini untuk mendapatkan pensijilan halal bagi memperluas pasaran serta meningkatkan daya saing produk masing-masing.

“Pencapaian ini diharapkan menjadi pemangkin kepada usahawan lain untuk berani melangkah ke tahap lebih tinggi dalam industri halal,” katanya.

Beliau turut merakamkan ucapan tahniah kepada Syarikat SR Rezeki Venture atas kejayaan tersebut dan berharap ia terus berkembang sebagai contoh kepada pengusaha lain di Kelantan.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) Dr Hasnan Ramli serta pasukan Bahagian Pengurusan Halal JAHEAIK.

Kelantan pergiat pelaksanaan CFS , lindungi habitat kurangkan konflik hidupan liar



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 15 April — Kerajaan Negeri Kelantan mempergiat pelaksanaan kawasan rizab Central Forest Spine (CFS) sebagai langkah strategik bagi melindungi habitat hidupan liar serta mengurangkan risiko konflik antara manusia dan haiwan di negeri ini.

Usaha yang dilaksanakan dengan kerjasama PLAN Malaysia Negeri Kelantan itu merangkumi pembangunan koridor ekologi yang menghubungkan kompleks hutan utama di Semenanjung Malaysia termasuk Kompleks Hutan Titiwangsa dan kawasan Timur Laut, sekali gus menyediakan laluan selamat kepada hidupan liar.


Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, pelaksanaan CFS menjadi keutamaan dalam memastikan kelestarian biodiversiti negeri terus

terpelihara.

“Pelaksanaan CFS ini merupakan keutamaan dalam memastikan kelestarian biodiversiti negeri terus terpelihara, di samping menyediakan laluan selamat kepada hidupan liar untuk bergerak tanpa gangguan pembangunan dan aktiviti manusia,” katanya menerusi media sosial, hari ini.

Beliau berkata demikian susulan insiden kematian seekor tapir akibat dilanggar kenderaan di Jalan Kuala Krai-Kota Bharu berhampiran Kampung Telekong, pada Isnin.

Menurutnya, kerajaan negeri kini sedang mengenal pasti kawasan strategik bagi pembangunan jaringan koridor ekologi tersebut berdasarkan Pelan Induk Rangka-



Ekologi CFS (PIRECF) yang telah dirancang.

“Pelan ini menjadi asas penting dalam usaha pemuliharaan jangka panjang, bukan sahaja untuk tapir, tetapi juga spesies terancam lain seperti harimau Malaya dan gajah,” jelasnya.

Beliau turut memaklumkan bahawa sebahagian besar populasi tapir di Kelantan tertumpu di Hutan Simpan Chabang Tongkat dan Hutan Simpan Ulu Sat yang memerlukan pengukuhan laluan ekologi bagi mengurangkan risiko kemalangan di jalan raya.

Dalam pada itu, beliau menegaskan insiden berkenaan memperlihatkan keperluan mendesak untuk mempercepat pelaksanaan CFS sebagai penyelesaian jangka

panjang terhadap konflik manusia dan hidupan liar.

“CFS akan berfungsi sebagai koridor semula jadi yang membolehkan hidupan liar bergerak bebas untuk mencari makanan dan habitat tanpa terdedah kepada risiko pertembungan dengan kenderaan,” ujarnya.

Tambahnya, pelaksanaan inisiatif tersebut diyakini mampu mempertingkatkan pengurusan alam sekitar secara mampan serta memastikan keseimbangan ekosistem terus terpelihara.

“Inisiatif ini dijangka menjadi langkah penting dalam memastikan pembangunan dan pemuliharaan dapat bergerak seiring demi kelestarian negeri pada masa hadapan,” tegasnya.

SUMBER DATA KAWASAN BERHUTAN

Data	Sumber Data
Hutan Simpanan Kekal	• Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) • Jabatan Perhutanan Negeri (kecuali Negeri Selangor dan Kedah)
Hutan Tanah Kerajaan	• Bahagian Maklumat Guna Tanah Negara (BMGN), PLAN Malaysia
Ladang Hutan	• JPSM (ladang hutan sedia ada) • Jabatan Perhutanan Negeri (Zon Ladang Hutan – kecuali negeri Kelantan, Kedah dan Selangor)
Hutan Taman Negeri	• Pejabat Tanah dan Galian
Rizab Hidupan Liar	• Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia


LATAR BELAKANG

A. KAWASAN BERHUTAN NEGERI KELANTAN

Maklumat ringkas sumber hutan di Negeri Kelantan adalah seperti Jadual 1. Keluasan tanah berhutan Negeri Kelantan pada tahun 2019 meliputi 767,203 hektar (50.8 daripada keluasan negeri). Daripada jumlah tersebut, 82.1% tanah berhutan adalah Hutan Simpanan Kekal (HSK). Negeri Kelantan juga mempunyai Hutan Taman Negeri Gunung Stong yang berada dalam Hutan Simpanan Kekal Gunung Stong Tengah seluas 21.91 hektar yang menyokong kepada pemuliharaan kawasan hutan dan hidupan liar.

Jadual 1: Maklumat Sumber Hutan Negeri Kelantan

Perkara	Tahun		
	2010	2015	2019
Keluasan Tanah	1,510,500	1,510,500	1,510,462
Tanah Berhutan	862,196	812,196	767,203



i-PASS cegah NCD, pertingkatkan produktiviti penjawat awam

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 15 April — Program i-PASS diperkenalkan sebagai pendekatan holistik promosi kesihatan bagi membudayakan gaya hidup sihat di tempat kerja, khususnya dalam kalangan penjawat awam, sekali gus mencegah penyakit tidak berjangkit (NCD) serta meningkatkan produktiviti dan kesejahteraan pekerja.

Pelaksanaan program oleh Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan itu dibentangkan dalam Mesyuarat Portfolio Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Kelantan Bilangan 1/2026 yang dipengerusikan Exconya, YB Hilmi Abdullah di Bilik Gerakan Negeri, di sini, pada Selasa.

Menurut YB Hilmi, Program



i-PASS merupakan pendekatan menyeluruh yang menumpukan pembudayaan gaya hidup sihat dalam persekitaran kerja sebagai langkah pencegahan awal terhadap penyakit kronik.

“Program ini bertujuan mencegah penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti Diabetes Mellitus dan Hipertensi, di samping meningkatkan

produktiviti serta kesejahteraan pekerja,” katanya menerusi media sosial pada Selasa.

Menurutnya lagi, pelaksanaan inisiatif tersebut selaras dengan aspirasi Agenda Nasional Malaysia Sihat yang menasaskan pembentukan rakyat lebih sihat menjelang 2030.

Dalam mesyuarat sama, turut



dibentangkan Garis Panduan Pembinaan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (EVCB) di dalam dan luar bangunan dalam kawasan operasi pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Setakat ini, Kelantan mempunyai kira-kira 25 EVCB dan PBT di negeri ini disasar menyediakan sebanyak 200 kemudahan berkenaan menjelang 2030,” jelasnya.

Dato' Mumtaz gesa SOP pakaian tahanan wanita Islam disemak segera



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUALA LUMPUR, 15 April — Ahli Parlimen Tumpat YB Dato' Mumtaz Md Nawawi menggesa kerajaan persekutuan menyemak semula prosedur operasi standard (SOP) etika berpakaian bagi tahanan wanita Islam bagi menjamin hak menutup aurat serta memelihara maruah sepanjang proses perundangan.

Menurutnya, semakan tersebut memerlukan kerjasama menyeluruh antara Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Penjara Malaysia bagi menambah baik peraturan sedia ada yang dilihat masih mempunyai kelemahan.

“Kerajaan perlu segera menyemak semula SOP etika ber-

pakaian tahanan wanita Islam bagi menjamin hak menutup aurat dan memelihara maruah mereka sepanjang proses perundangan,” katanya dalam satu kenyataan media, pada Selasa.

Beliau berkata, masih terdapat kelemahan dalam sistem semasa yang belum sepenuhnya menjamin kemuliaan wanita Islam ketika berdepan tindakan undang-undang.

“Masih terdapat jurang kelemahan dalam sistem sedia ada yang belum sepenuhnya menjamin kemuliaan wanita Islam yang berdepan tindakan undang-undang,” ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau menegaskan maruah tahanan wanita perlu dipelihara pada setiap peringkat, bermula daripada siasatan awal sehingga ke perbicaraan di mahkamah.

“Maruah tahanan wanita mesti dipelihara pada setiap peringkat, dari siasatan awal hingga ke perbicaraan. Sistem keadilan seharusnya bersifat mendidik, bukan memalukan atau menjatuhkan maruah individu,” tegasnya.

Dalam pada itu, beliau turut membangkitkan isu pakaian man-

datori di lokap dan penjara yang disifatkan masih tidak memenuhi piawaian syariah sepenuhnya.

“Pakaian mandatori sedia ada masih tidak memenuhi piawaian syariah sepenuhnya apabila ketiadaan tudung sempurna dan rekaan tertentu menyebabkan aurat terdedah, sekali gus memberi tekanan emosi kepada tahanan wanita,” ujarnya.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan pengenalan set pakaian khas sebagai penyelesaian praktikal dan sistematik.

“Kita mencadangkan pengenalan ‘Set Pakaian Rasmi Menutup Aurat’ atau Transit Kit yang lebih labuh dan berlung panjang sebagai solusi praktikal dan sistematik,” tambahnya.

Beliau turut menekankan kepentingan hak dan kesedaran dalam kalangan tahanan wanita Islam.

“Tahanan perlu diberi hak untuk memilih serta penerangan jelas mengenai kepentingan menutup aurat sejak saat pertama mereka ditahan,” katanya lagi.

Selain itu, beliau mengusulkan agar latihan sensitiviti dalam kala-

ngan pegawai penguat kuasa diperkasa, khususnya dalam memahami keperluan agama dan privasi wanita.

“Latihan sensitiviti kepada pegawai perlu diperkasakan, dan pemeriksaan fizikal terhadap tahanan wanita hendaklah dilaksanakan secara eksklusif oleh pegawai wanita bagi menjaga batas privasi,” tegasnya.

Beliau berkata, pemerkasaan mekanisme pemantauan serta saluran aduan yang telus perlu dilaksanakan bagi memastikan hak tahanan terus terpelihara.

“Kita berharap transformasi SOP ini dapat dilaksanakan segera sebagai sebahagian daripada reformasi institusi keselamatan yang lebih berteraskan kemanusiaan,” katanya.

Tambahnya, penambahbaikan tersebut bukan sahaja mengangkat imej Malaysia sebagai negara Islam yang progresif, bahkan memastikan institusi lokap dan penjara berfungsi sebagai pusat pemulihan yang lebih berperikemanusiaan, sekali gus memelihara maruah wanita Islam sepanjang proses pengadilan.

Program Penempatan Industri 2026 rapatkan jurang latihan-industri

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 15 April — Program Penempatan Pekerjaan Industri 2026 anjuran Urus Setia Belia, Sukan & NGO Negeri Kelantan (U-BeS) membuka ruang pengalaman kerja sebenar kepada 50 belia tempatan, sekali gus merapatkan jurang antara latihan dan keperluan industri.

Pelepasan peserta disempurnakan Pengarah U-BeS Mohamad Kamal Mohamed di Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Menurutnya, program berimpak tinggi itu memberi peluang kepada peserta merasai suasana kerja secara langsung dalam pelbagai sektor, selain meningkatkan kebolehpasaran dan kesiapsiagaan tenaga muda negeri.

“Program ini membuka ruang kepada anak muda untuk memahami realiti dunia pekerjaan, membina disiplin serta meningkatkan



kemahiran insaniah dan teknikal yang amat diperlukan industri hari ini,” katanya.

Katanya lagi, inisiatif tersebut bukan sekadar menyediakan peluang pekerjaan sementara, malah menjadi platform membentuk jati diri dan daya saing belia secara menyeluruh.

“Program berimpak tinggi ini merupakan antara inisiatif strategik U-BeS dalam merapatkan jurang antara latihan dan keperluan sebenar industri, dengan memberi peluang kepada peserta merasai

pengalaman kerja secara langsung dalam pelbagai sektor,” jelasnya.

Beliau juga memaklumkan bahawa semua peserta yang terdiri daripada belia tempatan dipilih bagi mengikuti penempatan industri yang bukan sahaja membuka peluang pekerjaan, malah membolehkan mereka membina rangkaian profesional serta meningkatkan kemahiran praktikal selari dengan kehendak pasaran semasa.

“Kita mahu belia Kelantan bukan sahaja mendapat pekerjaan, tetapi mampu berkembang sebagai

tenaga profesional yang berdaya saing dan berintegriti,” tambahnya.

Tambahnya, komitmen tinggi yang ditunjukkan peserta mencerminkan kesediaan generasi muda untuk memanfaatkan peluang yang disediakan dalam membina masa depan kerjaya.

“Program ini selaras dengan aspirasi pembangunan modal insan negeri yang menekankan keseimbangan antara ilmu, kemahiran dan nilai, sekali gus memperkasa peranan U-BeS sebagai pemacu agenda belia di Kelantan,” ujarnya.



Penguatkuasa Agama perlu sedia 'on-call', utamakan pendekatan mendidik

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 16 April — Anggota penguatkuasa agama di Kelantan perlu sentiasa bersedia "on-call" serta mengutamakan pendekatan mendidik masyarakat sebelum mengambil tindakan penguatkuasaan dalam mendepani cabaran semasa.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, pendekatan berhikmah dan bersepatat amat penting bagi memastikan penguatkuasaan undang-undang syariah dilaksanakan secara adil dan berkesan.

"Cabaran era kini menuntut semua anggota penguatkuasa bekerja mengikut ketetapan secara sepatat, selain pemerkasaan dan penambahan anggota perlu dilaksanakan oleh pihak berkuasa negeri dari semasa ke semasa," katanya ketika merasmikan Bengkel Pemantapan Integriti & Sistem Penguatkuasaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) Tahun 2026 di sebuah hotel, di sini, semalam.

Menurutnya, profesionalisme



dan integriti merupakan tunjang utama dalam memastikan penguatkuasaan dilaksanakan dengan berhemah serta diyakini masyarakat.

"Saya ingin menegaskan bahawa setiap anggota bukan sahaja berperanan sebagai penguatkuasa, tetapi juga sebagai pembimbing masyarakat. Pendekatan berhikmah perlu diutamakan sebelum sesuatu tindakan diambil," katanya.

Bengkel selama dua hari itu menghimpunkan pelbagai pengisian ilmiah termasuk pembentangan bertajuk Akauntabiliti Dalam Penguatkuasaan oleh mantan Timbalan Pengarah Operasi SPRM Kelantan Tuan Zakaria Taib serta taklimat SOP Sistem e-Gat oleh

Tuan Nik Muhammad Dato' Nik Abdul Kadir dari Itqan Tech Solutions.

Selain itu, tajuk Standard Pembuktian Dalam Kes Jenayah Syariah turut dibentangkan oleh Hakim Syarie Muhammad Nabil Dato' Muhammad Shukri bersama Ketua Pendakwa Syarie Hafiz Daud.

Manakala sesi perkongsian isu dan cabaran penguatkuasaan pula disampaikan oleh mantan Pengarah Penguatkuasaan dan Kawalan Kementerian Dalam Negeri (KDN) Selangor Feisal Mohamed Ali.

Menurut YB Mohd Asri lagi, penganjuran bengkel tersebut berperanan meningkatkan kecekapan anggota penguatkuasa khususnya dalam aspek pengurusan sistem

e-Gat, penyediaan kertas siasatan serta memupuk budaya kerja berpasukan.

"Inisiatif seperti ini bukan sahaja meningkatkan keupayaan teknikal, malah membina kesepaduan dalam kalangan anggota bagi memastikan penguatkuasaan dilaksanakan secara lebih sistematik dan berintegriti," jelasnya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah JAHEAIK atas komitmen menjayakan bengkel berkenaan.

"Usaha ini amat penting dalam memastikan sistem penguatkuasaan syariah sentiasa relevan, berkesan dan diyakini masyarakat," katanya.

Libat urus pelbagai pihak tambah nilai perancangan digital Kelantan



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 16 April — Penyertaan pelbagai pihak berkepentingan dalam Bengkel Sesi Libat Urus Cadangan Penubuhan Perbadanan Digital Negeri Kelantan memberi nilai tambah signifikan kepada perancangan strategik pembangunan digital negeri, sekali gus memperkukuh hala tuju pendigitalan yang lebih tersusun dan berdaya saing.

Demikian kenyataan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat

pada majlis makan malam sempena bengkel tersebut yang berlangsung di sebuah hotel di sini, pada Rabu.

Beliau menzahirkan penghargaan atas kehadiran Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Kelantan Dato' Azi Rahimee Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Sarawak Digital Economy Corporation Berhad Dato' Ir. Ts. Sudarnoto Osman dan Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan, Wan Zulfadhli Syahman Wan Yusof serta semua undangan.

Menurutnya, kehadiran barisan

pemimpin, pakar industri dan pemegang taruh strategik memberi impak besar dalam menjayakan sesi libat urus berkenaan.

"Kehadiran para tetamu kehormat dan pemegang taruh ini amat bermakna dalam menjayakan sesi libat urus yang penting ke arah memperkukuh agenda pendigitalan negeri.

"Semoga pertemuan ini menjadi medan yang bermanfaat untuk bertukar pandangan, berkongsi pengalaman dan merangka langkah terbaik dalam usaha merealisasikan penubuhan Perbadanan Digital

Negeri demi pembangunan negeri yang lebih mampan, inovatif dan berdaya saing," katanya menerusi media sosial, hari ini.

Sesi libat urus tersebut menghimpunkan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, pemain industri serta pakar teknologi bagi membincangkan cadangan penubuhan entiti khusus yang akan memacu transformasi digital negeri secara lebih bersepadu.

Beliau menyifatkan pendekatan kolaboratif itu dilihat mampu memperkaya input dasar serta memastikan setiap perancangan yang dirangka bersifat inklusif, praktikal dan memenuhi keperluan semasa.

"Inisiatif penubuhan Perbadanan Digital Negeri Kelantan dijangka menjadi pemangkin utama dalam mempercepat agenda pendigitalan, seterusnya meningkatkan kecekapan tadbir urus serta merangsang pertumbuhan ekonomi berteraskan teknologi di negeri ini," jelasnya.

Video murid SRITI kutip sampah tular, MDKPI puji pendidikan berteraskan nilai

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 16 April — Tindakan sekumpulan murid Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam (SRITI) Al-Farabi Ketereh mengutip sampah di taman permainan sehingga tular di media sosial mendapat pujian Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam (MDKPI) yang menyifatkannya sebagai contoh pendidikan berteraskan nilai yang berkesan.

Rakaman video tersebut memaparkan murid-murid bergotong-royong membersihkan kawasan taman permainan di Padang Taman Makmur, Kok Lanas selepas mengikuti sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdPc) luar bilik darjah bagi madah Tahfiz Quran Sunnah (TQS).

MDKPI dalam satu kenyataan memuji inisiatif sekolah berkenaan yang disifatkan sebagai contoh terbaik dalam mendidik generasi muda mengenai kepentingan kebersihan dan tanggungjawab bersama.

“Pendekatan holistik yang



dilaksanakan SRITI Al-Farabi Ketereh itu dilihat bukan sahaja membentuk tingkah laku positif dalam kalangan murid, malah berpotensi melahirkan generasi yang lebih peka terhadap kesejahteraan komuniti dan alam sekitar pada masa hadapan,” menurutnya dalam kenyataan di laman rasmi, pada Selasa.

Video tersebut boleh ditonton di pautan <https://www.facebook.com/share/r/1Fw95dQdv9/>

Sehubungan itu, Guru Besar SRITI Al-Farabi Ketereh Muhammad Qamarul Bahjan Kamaruddin berkata, pendekatan tersebut merupakan usaha menyepadukan ilmu dan amalan dalam kehidupan seha-

rian murid.

“PdPc luar bilik darjah memberi ruang kepada murid untuk menghayati pembelajaran secara lebih praktikal, dan aktiviti gotong-royong ini menjadi medium penting untuk menanam nilai kebersihan serta tanggungjawab terhadap persekitaran,” katanya, ketika dihubungi, semalam.

Jelasnya, usaha itu selari dengan tuntutan agama sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

“الطهور شطر الإيمان”

yang bermaksud kebersihan adalah sebahagian daripada iman.

“Nilai ini bukan sekadar diajar, tetapi perlu dibudayakan. Apabila

murid sendiri terlibat menjaga kebersihan, ia membentuk kesedaran dalaman yang lebih kukuh dan berpanjangan,” katanya.

Menurutnya lagi, penerapan nilai Fardu Ain dan Fardu Kifayah (KAFFAH) yang digariskan dalam silibus SRITI Malaysia menjadi asas dalam setiap madah yang diajar bagi melahirkan murid yang seimbang dari segi akademik dan sahsiah.

“Konsep KAFAH menuntut agar setiap ilmu yang dipelajari diterjemahkan dalam bentuk amalan. Justeru, aktiviti seperti ini menjadi platform untuk murid menghayati dan mengamalkan nilai tersebut secara menyeluruh,” ujarnya.

Seruling Kasih harumkan nama Kelantan ke pentas separuh akhir Dikir Barat RTM



Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 14 April — Pasukan Dikir Barat Seruling Kasih terus mengharumkan nama Kelantan apabila berjaya melangkah ke pentas separuh akhir Pertandingan Dikir Barat Radio Televisyen Malaysia (RTM) 2026.

Kejayaan kumpulan pendikir anak Tumpat itu mendapat perhatian Ahli Dewan Negeri (ADN) Pengkalan Kubor YB Dato’ Wan Roslan Wan Hamat yang tampil memberikan sokongan moral dan

sumbangan kepada pasukan berkenaan, semalam.

Beliau berkata, usaha dan komitmen yang ditunjukkan oleh Seruling Kasih membuktikan bahawa seni warisan dikir barat masih relevan serta mampu bersaing di peringkat lebih tinggi.

“Saya berkesempatan menyampaikan sedikit ucapan serta kata-kata semangat kepada Pasukan Dikir Barat Seruling Kasih, di samping menyerahkan sumbangan sebagai tanda sokongan atas kejayaan mereka melayakkan diri

ke Pertandingan Dikir Barat RTM 2026 peringkat separuh akhir.

“Semoga pasukan ini terus bersemangat, mengekalkan persembahan terbaik dan mengharumkan nama Kelantan khasnya Tumpat di pentas yang lebih tinggi, insya Allah,” katanya menerusi laman rasmi, semalam.

Menurut Dato’ Wan Roslan, pertandingan separuh akhir itu dijadual berlangsung pada Sabtu 18 April ini, pukul 9 malam di Auditorium Seri Angkasa, Angkasapuri Kota Media, Kuala Lumpur.

Dalam pada itu, beliau yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan turut merakamkan penghargaan kepada pihak penaja termasuk Pengurus Besar Sayap Niaga Kota Bharu serta penaja utama RTM Bos Long Raja Perfume yang sentiasa memberi sokongan padu kepada pasukan berkenaan.

Tambahnya, sokongan berterusan daripada pelbagai pihak amat penting dalam memastikan seni warisan dikir barat terus subur dan kekal menjadi kebanggaan masyarakat, khususnya di Kelantan.



Pasukan STEM MSTG hargai sokongan Exco Pertanian bantu komersialkan produk

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 16 April — Pasukan STEM Maahad Sains Tok Guru (MSTG) menzahirkan penghargaan kepada Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail atas sokongan yang diberikan dalam membantu komersialkan produk inovasi mereka, TnC Acne Serum.

Guru Penasihat pasukan tersebut Dr Siti Noorhaniah Yusoh berkata, sumbangan dana sebanyak RM7,000 yang disalurkan amat signifikan dalam mempercepatkan usaha pasukan berkenaan ke arah pengkomersialan produk.

Replika cek tersebut disampaikan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud sempena Majlis Sambutan Satu Dekad MSTG di pekarangan sekolah berkenaan, pada Selasa.

Menurutnya lagi, dana itu dimanfaatkan bagi tujuan pendaftaran syarikat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), selain mempercepatkan proses mendapatkan kilang yang sesuai untuk pengeluaran produk serta melengkapkan keperluan pendaftaran dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

“Dengan adanya sokongan ini,



kami dapat mempercepatkan penghasilan produk dan membawa inovasi pelajar MSTG ke peringkat yang lebih tinggi.

“Kami juga dalam usaha mencari rakan industri dan kilang yang bersesuaian bagi memastikan produk ini dapat dihasilkan mengikut piawaian yang ditetapkan,” katanya, ketika dihubungi, semalam.

Beliau juga memaklumkan bahawa idea pembangunan serum berkenaan tercetus daripada keperluan pelajar sekolah tersebut yang majoritinya terdiri daripada pelajar lelaki, yang kurang memberi perhatian terhadap penjagaan kulit wajah khususnya masalah jerawat.

Jelasnya, pada peringkat awal, produk itu dibangunkan menggunakan bahan berasaskan tumbuhan

iaitu limau purut, tomato dan aloe vera sebelum diperkaya dengan minyak kelapa dara bagi meningkatkan keberkesannya.

Tambahnya, pihaknya turut mendapatkan konsultasi daripada Fakulti Farmasi Universiti Malaya serta beberapa pihak industri bagi menambah baik formulasi dan kestabilan produk.

Untuk rekod, Pasukan STEM MSTG yang ditubuhkan pada tahun 2021 telah membangunkan formula khas bagi mengatasi masalah jerawat dalam kalangan remaja, sebelum menghasilkan TnC Acne Serum yang melalui proses penyelidikan dan pembangunan selama tiga tahun.

Produk tersebut merupakan cetusan idea lima pelajar MSTG un-

“ Dengan adanya sokongan ini, kami dapat mempercepatkan penghasilan produk dan membawa inovasi pelajar MSTG ke peringkat yang lebih tinggi,”

tuk menyertai pertandingan Mini Teater STEM anjuran Persatuan STEM Kebangsaan dan kemudiannya berkembang menjadi inovasi yang berpotensi dikomersialkan.

Sepanjang penglibatan dalam pelbagai pertandingan, TnC Acne Serum berjaya meraih Anugerah Emas kategori Asian Youth Innovation Awards di Malaysia Technology Expo 2024, selain turut memenangi Anugerah Emas di Karnival STEM Kebangsaan dan Festival of Idea Universiti Malaysia Kelantan.

Pada tahun 2025, alumni pasukan STEM MSTG telah mendaftarkan syarikat TG Global di bawah SSM sebagai langkah awal mengkomersialkan produk inovasi berkenaan.





Penguatkuasa Agama perlu sedia 'on-call', utamakan pendekatan mendidik

Pendidikan bersepadu Kelantan jadi model nasional, MSTG perintis gabungan tahfiz dan sains

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 14 April — Pendekatan pendidikan bersepadu yang diteroka Kelantan kini memberi nafas baharu kepada sistem pendidikan negara bahkan muncul sebagai model ikutan pelbagai pihak di seluruh Malaysia.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, kejayaan Maahad Sains Tok Guru (MSTG) menjadi bukti keberkesanan pendekatan tersebut yang menggabungkan elemen tahfiz, sains tulen, penguasaan bahasa serta pengajian turath secara menyeluruh.

"Jika pada awal 1990-an masyarakat diperkenalkan dengan pengajian tahfiz dan qiraat, kini usaha itu berkembang kepada integrasi tahfiz dan sains tulen yang semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat.

"Inisiatif ini diperkasakan lagi melalui penubuhan Maahad Sains Tok Guru sebagai sekolah perintis Yayasan Islam Kelantan (YIK) yang menggabungkan elemen tahfiz (5 juzuk), sains tulen, penguasaan bahasa Arab dan Inggeris serta pengajian kitab turath secara bersepadu," katanya.



Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Sambutan Satu Dekad penubuhan MSTG di perkarangan sekolah berkenaan di Pengkalan Chepa, di sini, hari ini.

Menurutnya, kejayaan MSTG merupakan manifestasi dasar "Membangun Bersama Islam" yang menjadi teras pembangunan pendidikan negeri sejak lebih tiga dekad lalu.

Sepanjang tempoh sedekad penubuhannya, MSTG berdepan pelbagai cabaran termasuk dalam melahirkan generasi sulung pelajar, namun kini berjaya membuktikan keupayaannya sebagai institusi pendidikan berprestasi tinggi.

"Berdasarkan rekod lima tahun sehingga keputusan SPM 2025, MSTG secara konsisten berada dalam kelompok tiga terbaik bagi kategori Maahad Kawalan YIK. Ini membuktikan kesungguhan semua pihak dalam mengekalkan budaya kecemerlangan," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau menegaskan matlamat utama penubuhan sekolah di bawah Kerajaan Negeri Kelantan adalah untuk melahirkan pelajar cemerlang akademik dan membentuk generasi berfikiran kritis dan berakhlak mulia berteraskan nilai Rabbani.

"Jika sekadar mahu cemerlang, sudah banyak sekolah yang mam-

“

Berdasarkan rekod lima tahun sehingga keputusan SPM 2025, MSTG secara konsisten berada dalam kelompok tiga terbaik bagi kategori Maahad Kawalan YIK. Ini membuktikan kesungguhan semua pihak dalam mengekalkan budaya kecemerlangan,”

pu menjadikan anak-anak kita cemerlang. Namun keunikan sistem pendidikan YIK terletak pada kemampuannya membina insan yang seimbang antara tuntutan duniawi dan ukhrawi, selaras dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Qasas ayat 77 yang menyeru manusia agar tidak melupakan keperluan dunia dalam mengejar kebahagiaan akhirat," ujarnya.

Beliau turut menggesa seluruh warga pendidikan termasuk guru, pelajar dan ibu bapa agar terus memperkasa usaha membangunkan sistem pendidikan berorientasikan masa hadapan serta berteraskan keredaan Allah SWT.



UPKN Kelantan



UPKN Kelantan